

Selangor terus rekod kes tertinggi

Sinar HARIAN (07/05/2021) ms 06

3,551 kes baharu Covid-19 dilaporkan melibatkan 19 kematian

KUALA LUMPUR

Malaysia pada Khamis merekodkan 3,551 kes baharu Covid-19 menjadikan kes kumulatif Covid-19 di dalam negara kini 427,927.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah menerusi hantaran di laman Twitternya berkata, daripada jumlah itu dalam tempoh 24 jam lepas, Selangor masih merekodkan jumlah kes tertinggi melibatkan 1,137 kes diikuti Kuala Lumpur (477) dan Sarawak (391).

Kelantan pula mencatatkan 326 kes, diikuti Pulau Pinang (305); Johor (258); Perak (137); Kedah (112); Pahang (97); Negeri Sembilan (85); Melaka (82); Sabah (69); Terengganu

(58); Putrajaya (12); Perlis (tiga) dan Labuan (dua).

Sementara itu, dalam kenyataan mediana, Dr Noor Hisham berkata, dalam tempoh 24 jam lepas juga, sebanyak 2,709 kes sembuh dicatatkan menjadikan jumlah kumulatifnya 392,555 kes manakala kes aktif kini 33,762.

Beliau berkata, sejumlah 354 kes ditempatkan di unit rawatan rapi (ICU) dengan 199 daripadanya memerlukan bantuan alat pernafasan manakala jumlah kematian akibat pandemik itu meningkat kepada 1,610 kes susulan 19 kematian baharu dilaporkan pada Khamis.

Katanya, terdapat 14 kluster baharu dikenal pasti melibatkan lapan kluster tempat kerja, masing-masing dua kluster komu-

niti dan sektor pendidikan termasuk satu kluster institusi pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) serta masing-masing satu kluster kumpulan berisiko tinggi dan kluster keagamaan.

Kluster tempat kerja berkenaan ialah Kluster Batu Arang dan Kluster Industri Platinum di Selangor; Kluster Persiaran Meru Raya dan Kluster Persiaran Greentown Tujuh di Perak dan Kluster Jalan Temangan, Kelantan.

Kawasan lain yang terlibat Kluster Jalan Pertama Empat, Johor; Kluster Industri Lengkuk Teknologi, Negeri Sembilan dan Kluster Jalan Tunku di Sabah.

"Kluster komuniti pula ialah Kluster Kampung Chat di Ke-

lantan dan Kluster Indera Mahkota Lima di Pahang manakala kluster sektor pendidikan ialah Kluster Jalan Sungai Merab (institusi pendidikan KPM) dan Kluster Jalan Teknologi Kota Damansara (pendidikan lain) di Selangor.

Menurut Dr Noor Hisham, sebanyak tujuh kluster tamat pada Khamis menjadikan jumlah keseluruhan kluster yang ditamatkan ialah 1,322 kluster manakala jumlah kluster aktif ialah 418.


Tujuh kluster yang tamat adalah Kluster Bukit Sera; Kluster Danan; Kluster Jalan Kubota Sentral; Kluster Jalan Kenanga; Kluster Pagar Bukit Chagar; Kluster Tembok Taiping dan Kluster Jalan Taming. - Bernama

DR NOOR HISHAM




SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia



*Dikemas kini pada jam 12 tengah hari 6 Mei 2021



JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

JUMLAH KESELURUHAN:	PULIH:	ICU:	KEMATIAN:	KES BAHARU	SUDAH DIVAKSIN
427,927	392,555	354	1,610	+3,551	1,624,272



Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 424,376 kepada 427,927 kes